

30/05/2001

Pemuda kesal ada ahli ikhlas dilabel tamak

KUALA LUMPUR, Selasa - Pemuda Umno kesal kerana ahlinya sewenang-wenang dilabelkan sebagai tamak dan gelojoh apabila menawarkan diri berkhidmat untuk parti.

"Jangan mudah melabelkan sahabat-sahabat kami sebagai tamak dan gelojoh. Mereka juga ikhlas mahu menawarkan diri untuk berkhidmat dalam parti," kata Ketuaanya, Datuk Hishammuddin Tun Hussein, hari ini.

Kenyataan beliau dipercayai ada kaitan dengan tuduhan pihak tertentu apabila beberapa ketua Pemuda Umno bahagian turut menawarkan diri bertanding jawatan kanan dalam Umno bahagian, bulan lalu.

Hishammuddin berkata, budaya menyalahkan orang lain yang mana Pemuda Umno sering menjadi sasaran, perlu diubah dengan setiap pihak melakukan muhasabah diri sebelum menuding jari kepada orang lain.

Beliau berkata, apa yang berlaku kepada Umno sekarang harus dipikul bersama termasuk ahli dan pemimpin Pemuda kerana usaha memperkasakan semula parti memerlukan keikhlasan dan penyertaan ahli dari semua peringkat.

Kalau kita diminta turun ke bawah mendekati rakyat, ahli Majlis Tertinggi, wakil rakyat, menteri dan semua ahli kena menyahutnya," katanya pada majlis Amanat Perdana Presiden Bersama Pemuda di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, hari ini.

Hadir sama, Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi serta Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob.

Hishammuddin berkata, Pemuda Umno akan terus mempertahankan budaya hormat-menghormati terutama kepada generasi yang terlebih dulu berjuang dalam parti.

Sehubungan itu, Pemuda terus memastikan barisan kukuh dan mampu bekerjasama dengan pemimpin bahagian dalam memokus beberapa agenda penting untuk menghadapi cabaran terutama pembangkang.

"Saya percaya kita dapat lakukan jika kita rapatkan barisan dan membulatkan tekad serta kerjasama, kita mampu menewaskan pembangkang," katanya.

Beliau yang juga Menteri Belia dan Sukan turut meminta pucuk kepimpinan parti bertegas dalam mempertahankan hak keistimewaan orang Melayu dan kontrak sosial.

Katanya, perkara dasar itu tidak perlu diungkit lagi mana-mana pihak termasuk kalangan parti komponen Barisan Nasional (BN).

Hishammuddin berkata, Pemuda Umno akan meneruskan perjuangan bagi mengekalkan hak keistimewaan orang Melayu dan kontrak sosial untuk memastikan mereka menjadi bangsa cemerlang dan sentiasa berpijak di bumi nyata.

"Pemuda Umno akan memastikan orang Melayu mampu menghadapi gagasan k-ekonomi (ekonomi berasaskan pengetahuan) dengan beraksi, bukan sekadar menyaksikan kekayaan negara dikaut orang lain.

"Apa guna kita mengatakan padang ini milik kita sedangkan ramai daripada kita hanyalah menjadi penonton kepada aksi orang lain. Orang yang sudah berani mempersoalkan taraf milik kita itu," katanya.

Selain itu, Hishammuddin berkata, Pemuda Umno menyokong sebarang langkah pemimpin tertinggi parti untuk menghapuskan politik wang dan rela ahlinya yang bersalah dikenakan tindakan.

"Kita tidak rela, kita tidak reda membiarkan barah politik wang

menghancurkan harakat perjuangan bangsa," katanya.

Beliau berkata, Pemuda Umno juga berharap gabungan kepemimpinan lama dan baru wujud pada semua peringkat Umno serta melahirkan budaya politik baru di kalangan ahli.

Hishammuddin berkata, Pemuda Umno juga sudah menubuhkan urusetia untuk memantau kegiatan ahli pada peringkat negeri dan akar umbi.

"Urusetia tetap ditubuhkan untuk mengenal pasti ahli di cawangan dan memastikan mereka mendaftar sebagai pemilih," katanya ketika mengulas tiga tugas yang diberikan oleh Dr Mahathir kepada ahli pergerakan itu.

Perdana Menteri meminta setiap ahli Pemuda mencari lima ahli baru, mendaftar ahli yang cukup umur sebagai pemilih pilihan raya dan menyiapkan bilik gerakan di setiap cawangan.

Hishammuddin berkata, saranan Perdana Menteri adalah mesej jelas supaya organisasi dan struktur pentadbiran Pemuda sentiasa bersedia menghadapi pilihan raya.

(END)